



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
Office of the Director General of Education Malaysia  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
Level 7 Block J Damansara Town Centre  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (6)

14 Mac 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/2000:**  
**Menangani Masalah Keselamatan, Dadah Dan Gengster.**

Kementerian Pendidikan memandang serius terhadap kes-kes keselamatan murid, pengambilan dadah, dan perlakuan ala-gengster yang masih berlaku di sekolah-sekolah. Surat-surat pekeliling ikhtisas yang menegaskan mengenai langkah-langkah yang wajar diambil oleh pihak sekolah untuk membanteras berlakunya perkara-perkara tersebut telahpun diedarkan ke sekolah-sekolah.

2. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memperingatkan semula kepada semua Pengetua dan Guru Besar supaya mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha memastikan sekolah sentiasa selamat dan bebas daripada insiden-insiden yang tidak diingini, seperti murid diugut, diculik, diperkosa, atau penglibatan dengan dadah, serta perlakuan ala-gengster dan menceburkan diri dalam kegiatan gengster atau "*triad society*".

3. Panduan bagi mengatasi masalah tersebut telahpun dinyatakan dalam surat-surat pekeliling yang telah diedarkan ke sekolah-sekolah. Sebagai rujukan Pengetua dan Guru Besar, bersama-sama pekeliling ini dilampirkan senarai bilangan serta tajuk Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkenaan (rujuk Lampiran A).

4. Sila maklumkan kandungan pekeliling ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sekian. Terima Kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan
  4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
  5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
  8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
  9. Ketua Nazir Sekolah
  10. Pegawai Perhubungan Awam

**1. KESELAMATAN**

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1991  
Pelaporan Kejadian Tidak Diingini Di Sekolah
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1995  
Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Sekolah
- c) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1998  
Mernjaga Kesihatan Pelajar Di Sekolah
- d) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1998  
Garis Panduan Dan Syarat-Syarat Penggambaran Di Kawasan Sekolah, Maktab Perguruan Dan Politeknik Oleh Pihak Luar.
- e) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/1998  
Memasukkan Elemen Mencegah Rasuah Dalam Kurikulum Sekolah Dan Institusi Pengajian Tinggi.
- f) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 21/1998  
Persediaan Menghadapi Bencana Alam.
- g) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1999  
Keselamatan Diri Murid Dalam Perjalanan Pergi Dan Balik Sekolah.

**2. KEBAKARAN**

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1978  
Kawat Kecemasan Kebakaran Di Sekolah.
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1989  
Garis Panduan Dari Segi Pencegahan Kebakaran Bagi Bangunan Dormitori Dan Asrama.

**3. DADAH**

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979  
Laporan Murid-Murid Dalam Keadaan Risiko Penyalahgunaan Dadah yang Memerlukan Pertolongan.
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1988  
Program Skim Lencana Anti Dadah Pasukan Berpakaian Seragam Sekolah Menengah (SLAD).
- c) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1997  
Hukuman Ke Atas Murid Menghisap Rokok.
- d) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1997  
Sekolah Sebagai Kawasan Larangan Merokok.

#### **4. GENGSTER**

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993  
Lapor Kepada Polis Salah Laku Yang Berbentuk Jenayah.
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995  
Menangani Masalah Ponteng Di Sekolah.
- c) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995  
Tatacara Mengenakan Tindakan Dan Hukuman Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah
- d) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1996  
Pelaksanaan Kuasa Disiplin Dan Hukuman Di Sekolah.
- e) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/1998  
Menangani Kegiatan Gengster Di Sekolah.
- f) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1999  
Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah Di Sekolah Menengah.